

Lampiran Penerangan Produk - Insurans Liabiliti Produk

Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Insurans Liabiliti Produk. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.

CHUBB®

1. Apakah produk ini?

Kami akan menanggung rugi Anda terhadap apa-apa liabiliti undang-undang, yang Anda wajib bayar sebagai ganti rugi untuk kecederaan diri atau kerosakan harta yang timbul daripada produk anda, yang dihasilkan, dijual, dikendalikan, diedarkan atau dilupuskan oleh Anda. Anda juga ditanggung rugi bagi kecederaan diri atau kerosakan harta yang timbul daripada jaminan dan pernyataan yang anda buat berkenaan dengan kesesuaian, kualiti, ketahanan, prestasi atau penggunaan produk Anda; dan memberikan atau kegagalan memberikan amaran atau arahan.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini akan menanggung rugi anda sehingga had ganti rugi apabila anda bertanggungjawab di sisi undang-undang untuk membayar sebagai ganti rugi untuk:

- a) Kecederaan Badan kepada pihak ketiga; atau
- b) Kerosakan harta ketara milik pihak ketiga

yang timbul daripada penggunaan produk anda.

Tempoh perlindungan adalah satu tahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun.

Nota: Penerangan mengenai perlindungan yang tersedia hanya sebagai ringkasan untuk rujukan pantas dan mudah. Sila rujuk kontrak polisi untuk maklumat lengkap perlindungan/manfaat di bawah Polisi ini.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung pada had liabiliti dan keperluan pengunderaitan kami.

4. Apa yang perlu saya bayar selain daripada Premium?

- Duti setem - RM10
- Cukai (jika berkenaan) - 6% daripada premium
- Komisen yang dibayar (termasuk dalam premium) kepada Perantara Insurans (jika ada) - maksimum sehingga 25% daripada premium.

5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu diambil perhatian?

- Kepentingan pendedahan

Tanggungjawab anda kepada kami untuk Polisi Insurans bukan Pengguna Sekiranya Polisi ini bukan Polisi Insurans Pengguna, sebelum kontrak Polisi ini dibuat, diubah atau diperbaharui, Anda mempunyai tanggungjawab untuk mendedahkan kepada Kami apa-apa perkara yang:

- (a) Anda tahu adalah relevan dengan keputusan Kami sama ada menerima risiko atau tidak serta kadar dan syarat yang akan dikenakan; atau

(b) seseorang yang wajar dalam keadaan itu dijangka akan mengetahui perkara yang relevan.

“Polisi Insurans Pengguna” bermaksud kontrak insurans yang dibuat, diubah atau diperbaharui oleh seseorang untuk tujuan peribadi sahaja yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion individu tersebut.

Polisi Insurans bukan Pengguna ialah polisi selain daripada Polisi Insurans Pengguna.

- Had tanggung rugi wajar telah diambil.
- Deduktibel (Potongan) - amaun yang akan ditanggung oleh Pengambil Insurans (Insured) sekiranya tuntutan dikemukakan
- Insurans ini tertakluk pada Waranti Premium 60 hari, iaitu premium mesti dibayar dan diterima oleh Kami dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan. Sekiranya premium tidak dibayar dalam tempoh tersebut, polisi akan dibatalkan secara automatik dan premium pro rata untuk 60 hari hendaklah dibayar kepada Kami.
- Sekiranya terdapat kejadian yang mungkin menimbulkan tuntutan, Anda hendaklah memberikan notis bertulis kepada Kami mengenai tuntutan tersebut secepat mungkin setelah Anda mengetahuinya.

Perkara di atas adalah ringkasan sebahagian terma dan syarat utama polisi dan adalah tidak lengkap. Sila baca kontrak polisi untuk keseluruhan terma dan syarat insurans ini.

6. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi liabiliti undang-undang yang timbul daripada atau yang berkaitan dengan perkara-perkara berikut:

- Produk pesawat udara;
- Asbestos;
- Kerosakan kepada harta yang rosak atau harta yang tidak rosak secara fizikal;
- Denda, penalti, ganti rugi punitif & teladan;
- Tenaga nuklear;
- Kecederaan Diri kepada pekerja;
- Denda, penalti, ganti rugi punitif & teladan;

Senarai ini tidak lengkap dan tidak terpakai untuk semua seksyen. Sila rujuk sampel kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi dengan memberikan notis bertulis kepada Penanggung Insurans. Selepas polisi dibatalkan, Anda akan menerima bayaran balik 70% daripada premium pro rata bagi tempoh insurans yang belum tamat.

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat pertukaran pada butiran hubungan saya?

Anda hendaklah memaklumkan kepada kami tentang apa-apa pertukaran dalam butiran hubungan anda untuk memastikan segala surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masa.

9. Dari mana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Insurans Liabiliti Produk, anda boleh menghubungi perantara insurans anda, atau menghubungi kami di cawangan kami di seluruh negara atau di:

Chubb Insurance Malaysia Berhad
No. Pendaftaran: 197001000564 (9827-A)
Wisma Chubb
38 Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
T +6 03 2058 3000
F +6 03 2058 3333
E Inquiries.MY@chubb.com
W www.chubb.com/my

10. Perlindungan insurans serupa lain yang tersedia

Tiada

NOTA PENTING:

ANDA MESTI MEMASTIKAN HARTA ANDA DIINSURANSKAN PADA JUMLAH YANG SESUAI. ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN BAHAWA POLISI INSURANS INI MEMENUHI KEPERLUAN ANDA DAN PREMIUM YANG PERLU DIBAYAR DI BAWAH POLISI INI ADALAH JUMLAH YANG MAMPU ANDA BAYAR. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PERANTARA INSURANS ATAU MENGHUBUNGI CHUBB INSURANCE MALAYSIA BERHAD SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diperuntukkan dalam helaian pendedahan ini adalah ringkasan untuk rujukan pantas dan mudah. Terma dan syarat tepat yang berkenaan dinyatakan dalam kontrak polisi.

Helaian pendedahan produk ini disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Sekiranya terdapat pertikaian antara versi Bahasa Inggeris dengan Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris hendaklah digunakan.

Sila maklum bahawa:

- anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memberikan semua maklumat yang relevan kepada kami atau perantara kami agar kami dapat menyediakan produk kewangan yang paling sesuai kepada anda. Sekiranya anda menyembunyikan sebarang maklumat yang kami atau perantara kami minta, atau memberikan maklumat yang tidak tepat, kami mungkin tidak dapat mengesyorkan produk kewangan yang sesuai kepada anda untuk memenuhi keperluan anda;
- anda hendaklah membaca dan memahami syarat kontrak dan berbincang lebih lanjut dengan kami atau perantara kami jika terdapat syarat yang tidak difahami, sebelum menerima kontrak polisi.

Dengan menerima kontrak polisi, anda memperakui bahawa perantara atau pegawai Chubb telah menerangkan kepada anda dengan jelas mengenai perlindungan kontrak polisi dan syarat-syarat kontrak utama, dan bahawa kontrak polisi yang ditawarkan sesuai untuk keperluan insurans anda.

Maklumat yang diperuntukkan dalam helaian pendedahan produk ini adalah sah pada 15 Oktober 2020.

CHUBB INSURANCE MALAYSIA BERHAD dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.